

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB. TUAN V. SIVAKUMAR  
KAWASAN : BATU GAJAH  
TARIKH : 27.10.2014 (ISNIN)  
NO. SOALAN : 29

YB. TUAN V. SIVAKUMAR minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan secara terperinci mengenai Dana Usahawan Muda di bawah SME Bank yang dilancarkan pada bulan Februari 2013. Setakat ini berapakah jumlah yang dipinjamkan kepada usahawan belia berdasarkan kaum dari tarikh dana itu dilancarkan sehingga kini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Dana Usahawan Muda (*Young Entrepreneur Fund*) bernilai RM50 juta telah dilancarkan pada pertengahan bulan Februari 2013. Pewujudan dana ini merupakan salah satu strategi berterusan Kerajaan untuk melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan belia di Malaysia. Dana ini boleh digunakan untuk membiayai keperluan modal pusingan dan pembelian aset perniagaan dengan pembiayaan minimum sebanyak RM50,000 dan maksimum RM100,000. Jenis modal pusingan yang dibenarkan adalah untuk membiayai keperluan pembelian bahan mentah, stok, kos *overhead* (dengan izin), ubahsuai, promosi dan

pengiklanan. Pembiayaan pembelian aset perniagaan pula adalah bagi perolehan peralatan kecil, mesin dan peralatan pejabat. Tempoh pembiayaan adalah sehingga tujuh tahun termasuk maksimum satu tahun *grace period*, dengan izin. Kadar keuntungan adalah pada kadar 5% setahun. Dana Usahawan Muda boleh dipohon oleh belia warganegara Malaysia yang berumur 18 hingga 30 tahun dan memiliki perniagaan sendiri. Perniagaan mestilah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) sama ada pemilikan tunggal, perkongsian atau Syarikat Sendirian Berhad.

Bagi firma perkongsian atau Syarikat Sendirian Berhad, pemohon yang berstatus belia mestilah individu yang memegang perkongsian/saham majoriti melebihi 51% dan individu belia tersebut adalah pembuat keputusan utama dalam syarikat. Pemohon mestilah memiliki sekurang-kurangnya kelayakan Sijil Keusahawanan/Sijil Vokasional. Pemohon yang tidak memiliki Sijil Keusahawanan/Sijil Vokasional boleh dipertimbangkan dengan syarat pemohon menyertai latihan keusahawanan yang dianjurkan oleh *Centre for Entrepreneur Development and Research (CEDAR), SME Bank*.

Tuan Yang DiPertua,

Sehingga bulan Ogos 2014, sejumlah RM26.9 juta nilai pinjaman telah diluluskan kepada 370 usahawan muda di bawah dana ini. Dari jumlah itu, seramai 292 atau 78.9% adalah usahawan belia Bumiputera, 64 atau 17.3% adalah usahawan belia Cina dan 14 atau 3.8% adalah usahawan belia India.